No Ruj.: 08/09/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 26 Ogos 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Julai 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi menurun kepada -2.4% pada bulan Julai 2009 (Jun: -1.4%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan makanan yang lebih rendah.

- Pembiayaan kasar meningkat pada asas bulanan disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan.

- Sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.2% dan 12.6%.

No Ruj.: 08/09/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 26 Ogos 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Julai 2009

Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM64.2 bilion (Jun: RM60.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan Julai. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.3% pada akhir bulan Julai (Jun: 8.0%). Secara keseluruhan, penunjuk pinjaman utama, iaitu permohonan, kelulusan, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman, meningkat khususnya untuk pembelian *harta kediaman* dan *bukan kediaman, kereta penumpang* dan *kad kredit*.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman asas (average base lending rate, BLR) tidak berubah pada 5.53% pada 15 Ogos, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun kepada 4.96% pada akhir bulan Julai (5.02% pada bulan Mei, 5.04% pada bulan Jun).

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 0.3% pada tempoh 1 Julai hingga 25 Ogos 2009. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 1.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.8%) dan euro (-0.7%).

Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 0.2% hingga 2.2%. Rupiah Indonesia dan won Korea terutamanya telah menambah nilai berbanding dengan ringgit dan mata wang serantau lain disebabkan mata wang ini pulih semula daripada penyusutan nilai yang ketara pada tahun 2008 dan awal tahun 2009

Inflasi terus menurun kepada -2.4% pada Julai 2009 (Jun: -1.4%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan makanan yang lebih rendah. Harga dalam kategori *pengangkutan* terus menurun (Julai: -19.9%, Jun: -18.0%, Julai 2008: +22.7%), mencerminkan kesan kumulatif beberapa siri pelarasan menurun terhadap harga bahan api ditadbir pada separuh kedua tahun 2008. Di samping itu, inflasi yang lebih rendah dicatat dalam kategori *perumahan, air, gas, elektrik dan bahan api lain* (Julai: 1.3%, Jun: 2.0%), berikutan luputnya kesan pelarasan menaik terhadap tarif elektrik pada bulan Julai 2008. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* juga terus sederhana (Julai: 2.0%, Jun: 3.4%).

Wang secara luas atau M3 terus kukuh pada kadar pertumbuhan tahunan 5.2% pada bulan Julai 2009 disebabkan kredit yang lebih tinggi oleh bank kepada sektor swasta.

Sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.4% dan 12.6%.

Kadar faedah stabil pada bulan Julai

Pada tempoh 1 Julai hingga 25 Ogos, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Julai hingga Ogos. Pada 15 Ogos, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.02% hingga 2.52%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Ogos, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun kepada 4.96% pada akhir bulan Julai (5.02% pada bulan Mei dan 5.04% pada bulan Jun).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



BLR bank perdagangan tidak berubah, manakala ALR menurun kepada 4.96%



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat pada bulan Julai, disebabkan pertumbuhan pinjaman mengatasi penambahan deposit

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52
Jul 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52
15 Ogos 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52

Kadar FD purata tidak berubah antara bulan Jun hingga 15 Ogos

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan



Kadar FD benar terus meningkat

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 0.3% pada tempoh 1 Julai hingga 25 Ogos 2009. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 1.7%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.8%) dan euro (-0.7). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 0.2% hingga 2.2%. Rupiah Indonesia dan won Korea terutamanya telah menambah nilai berbanding dengan ringgit dan mata wang serantau lain disebabkan mata wang ini pulih semula daripada penyusutan nilai yang ketara pada tahun 2008 dan awal tahun 2009.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Jun 09	Jul 09	25 Ogos 09	Akhir Dis 08 - 25 Ogos 09	Akhir Jun 09 - 25 Ogos 09
Dolar AS	3.4640	3.5225	3.5200	3.5125	-1.4	0.3
Euro	4.8759	4.9699	4.9729	5.0232	-2.9	-1.1
Paun sterling	4.9989	5.8592	5.8150	5.7631	-13.3	1.7
100 yen Jepun	3.8327	3.6729	3.6919	3.7367	2.6	-1.7
Dolar Singapura	2.4070	2.4302	2.4432	2.4359	-1.2	-0.2
100 baht Thailand	9.9398	10.354	10.342	10.326	-3.7	0.3
100 peso Filipina	7.2774	7.3111	7.3249	7.2303	0.7	1.1
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0345	0.0355	0.0351	-9.8	-1.8
100 won Korea	0.2750	0.2754	0.2859	0.2816	-2.3	-2.2
Renminbi China	0.5076	0.5155	0.5152	0.5142	-1.3	0.3

Inflasi menurun pada bulan Julai

Inflasi menurun kepada -2.4% pada bulan Julai 2009 (Jun: -1.4%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan makanan yang lebih rendah. Harga dalam kategori *pengangkutan* terus menurun (Julai: -19.9%, Jun: -18.0%, Julai 2008: +22.7%), mencerminkan kesan kumulatif beberapa siri pelarasan menurun terhadap harga bahan api ditadbir pada separuh kedua tahun 2008. Di samping itu, inflasi yang lebih rendah dicatat dalam kategori *perumahan, air, gas, elektrik dan bahan api lain* (Julai: 1.3%, Jun: 2.0%), berikutan luputnya kesan pelarasan menaik terhadap tarif elektrik pada bulan Julai 2008. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* terus sederhana (Julai: 2.0%, Jun: 3.4%).



Inflasi menurun kepada -2.4% pada bulan Julai…



…disebabkan terutamanya oleh penurunan harga dalam kategori pengangkutan

Harga pengeluar terus menurun pada bulan Jun

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menurun pada kadar tahunan 12.2% pada bulan Jun (Mei: -10.8%). Harga dalam komponen IHPR berkaitan komoditi lebih rendah dengan purata sebanyak 29.9% (Mei: -28.2%) disebabkan penurunan menyeluruh dalam semua komponen berkaitan komoditi. Harga juga menurun pada kadar yang lebih cepat sebanyak 2.7% (Mei: -2.0%) dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi. Walau bagaimanapun, pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat 1.2% pada bulan Jun (Mei: 0.6%).

Mengikut komposisi, harga dalam komponen IHPR tempatan dan diimport menurun pada kadar yang lebih cepat. Berbanding dengan paras pada tahun lepas, harga dalam komponen IHPR tempatan menurun 16.1% (Mei:-14.4%), manakala harga dalam komponen diimport menurun 3.4% (Mei: -3.0%).



Harga pengeluar bulan Jun menurun pada asas tahunan

M3 terus meningkat pada bulan Julai

Pada bulan Julai, wang secara luas atau M3 terus kukuh pada kadar pertumbuhan tahunan 5.2%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM10.0 bilion. Dari segi dalam negeri, pendorong utama peningkatan wang secara luas ialah kredit yang lebih tinggi oleh bank kepada sektor swasta. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan menurun sebanyak RM0.1 bilion disebabkan oleh simpanan deposit sementara di Bank Negara. Dari segi luar negeri, aset asing bersih sistem perbankan meningkat, dan telah memberikan kesan pengembangan terhadap wang secara luas.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 09	**Mei 09**	**Jun 09**	**Jul 09**
M3	-1.2	-5.0	7.3	10.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.9	-6.5	8.4	-0.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	2.8	-2.9	8.7	8.3
Pinjaman	*3.1*	*-2.9*	*7.6*	*8.1*
Sekuriti	*-0.3*	*0.0*	*1.1*	*0.2*
Aset luar bersih*	5.8	0.6	-12.0	1.1
Pengaruh lain	-13.7	3.8	2.2	0.8

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



M1 dan M3 terus meningkat pada asas tahunan

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Julai

Jumlah deposit dalam sistem perbankan pada bulan Julai meningkat sebanyak RM0.9 bilion berbanding dengan bulan sebelumnya (Jun: RM18.2 bilion) untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 6.2% (Jun: 7.2%). Deposit oleh perusahaan perniagaan, individu, institusi kewangan bukan bank dan pendeposit lain juga meningkat pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh instrumen deposit boleh niaga yang telah matang yang disimpan oleh institusi perbankan. Mengikut jenis, peningkatan ini sebahagian besarnya dalam bentuk deposit pasaran wang jangka pendek, seperti yang dicerminkan dalam deposit lain.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 09	**Mei 09**	**Jun 09**	**Jul 09**
Kerajaan Persekutuan	300	1,505	1,739	81
Kerajaan Negeri	847	-1,083	561	-567
Badan Berkanun [1]	2,155	-2,388	1,729	28
Institusi Kewangan	-3,854	-3,186	13,575	-6,557
Di Antaranya:				
Institusi Perbankan	*-677*	*618*	*8,173*	*-8,435*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*-2,345*	*-3,905*	*5,694*	*1,725*
Perusahaan Perniagaan	182	1,682	-2,323	4,437
Individu	-1,597	-1,674	2,012	2,246
Lain-lain [2]	862	-103	856	1,191
Jumlah	-1,104	-5,247	18,151	859

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 09	**Mei 09**	**Jun 09**	**Jul 09**
Deposit tetap	-6,553	2,259	-3	-3,124
NID	-2,347	-1,694	7,849	-10,188
Deposit permintaan	1,904	-819	4,795	-988
Deposit tabungan	1,832	-1,390	1,222	752
Perjanjian beli balik (Repo)	-538	-44	-26	17
Deposit mata wang asing	3,134	716	-4,236	455
Deposit SPI [1]	4,722	3,704	5,907	2,095
Lain-lain [2]	-3,258	-7,978	2,642	11,840
Jumlah	-1,104	-5,247	18,151	859

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Permintaan terhadap pembiayaan terus meningkat

Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM64.2 bilion (Jun: RM60.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran pinjaman pada bulan Julai. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.3% pada akhir bulan Julai (Jun: 8.0%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar lebih tinggi disebabkan oleh pengeluaran pinjaman



Penunjuk pinjaman utama meningkat pada bulan Julai…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Jun-09	Jul-09	J-J 09	Jun-09	Jul-09	J-J 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	50.6	51.1	297.7	18.3	18.5	5.7
Kelulusan pinjaman	27.2	27.3	163.2	10.2	4.5	-8.4
Pengeluaran pinjaman	54.9	60.9	362.9	0.7	5.6	-2.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	7.6	9.8	26.0	8.3	8.4	8.4
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	25.2	23.7	140.0	16.7	14.3	-0.3
Kelulusan pinjaman	12.6	11.9	72.7	6.4	2.6	-19.8
Pengeluaran pinjaman	38.0	41.3	244.8	-4.0	-1.2	-7.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	3.3	1.1	3.7	3.2	3.2
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	10.1	10.2	56.5	12.0	6.2	-8.1
Kelulusan pinjaman	3.9	4.2	24.3	-29.2	-28.1	-29.5
Pengeluaran pinjaman	12.5	12.8	82.1	-12.5	-12.7	-13.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	0.9	1.0	-5.3	-2.9	-3.1	-3.1
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	25.4	27.4	157.7	19.8	22.4	11.7
Kelulusan pinjaman	14.6	15.4	90.5	13.6	6.1	3.4
Pengeluaran pinjaman	16.9	19.6	118.1	13.2	23.3	9.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.4	3.2	18.3	9.1	9.0	9.0

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan berkembang 0.2% pada asas tahunan pada akhir Julai 2009.

…disebabkan terutamanya oleh sektor isi rumah



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Permintaan terhadap pembiayaan terus meningkat pada bulan Julai. Sektor isi rumah mencatat permohonan dan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya untuk pembelian *harta kediaman* dan *bukan kediaman*, *kereta penumpang* dan *kad kredit*. Pengeluaran pinjaman juga telah meningkat, menyebabkan peningkatan seterusnya pinjaman sektor isi rumah terkumpul pada kadar tahunan 9.0% pada bulan Julai (Jun: 9.1%).

Permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan pada bulan Julai sebahagian besarnya adalah daripada sektor *perkilangan, perdagangan borong dan runcit,* serta *restoran dan hotel*. Walaupun pinjaman yang besar dikeluarkan untuk sektor *elektrik, gas dan bekalan air* pada bulan itu, pengeluaran pinjaman juga meliputi semua sektor lain. Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi telah meningkatkan pinjaman perniagaan terkumpul sebanyak RM3.3 bilion pada asas bulanan. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.2% pada bulan Julai (akhir bulan Jun: 3.7%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal aktif

Pemerolehan dana bersih melalui pasaran modal berjumlah RM10.5 bilion pada bulan Julai (Jun: RM12.3 bilion). Sektor awam memperoleh dana berjumlah RM9.5 bilion melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 5 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 10 tahun. Sementara itu, pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berjumlah RM3.2 bilion. Sebahagian besar daripada terbitan PDS diperoleh syarikat dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Dana digunakan terutamanya untuk modal kerja. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM1.5 bilion.



KLCI menjadi lebih kukuh pada bulan Julai

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) meneruskan trend menaik pada bulan Julai untuk ditutup pada 1,174.9 mata (akhir bulan Jun: 1,074.3 mata). Peningkatan ini kerana sentimen positif disebabkan oleh kenaikan harga minyak sawit mentah yang berterusan dan sikap optimis para pelabur terhadap prospek pemulihan ekonomi global. Permodalan pasaran meningkat kepada RM885.8 bilion (sejak akhir Jun: +8.3%). Walau bagaimanapun, urus niaga purata harian menurun kepada 1,002 juta unit (Jun: 1,666 juta unit).



KLCI menjadi lebih kukuh pada bulan Julai

Pada 25 Ogos, FBM KLCI ditutup lebih rendah pada 1,171.1 mata (sejak akhir Julai: -0.3%). Permodalan pasaran secara keseluruhan meningkat kepada RM889 bilion (sejak akhir Julai: +0.4%), manakala aktiviti dagangan lebih rendah sedikit dengan urus niaga purata harian sebanyak 982.7 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM321.5 bilion (bersamaan dengan USD91.2 bilion) pada 31 Julai 2009. Pada 14 Ogos 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM322.2 bilion (bersamaan dengan USD91.4 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar stabil dalam sistem perbankan

Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 14.2% dan 12.6%. Pada bulan Julai 2009, agregat modal asas telah meningkat 1.3% hasil daripada aktiviti pemerolehan modal oleh dua institusi perbankan. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun kepada 2.1% disebabkan pinjaman tak berbayar menjadi lebih rendah. NPL mutlak juga meneruskan trend menurun disebabkan terutamanya oleh NPL baharu yang lebih rendah. Nisbah agregat perlindungan kerugian pinjaman bertambah kukuh kepada 92%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Mei 09	Jun 09	Jul 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	12.3	12.4	12.6
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.2	14.1	14.2
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.2	2.1
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,934	15,692	15,073
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Penunjuk Kekukuhan Modal



…dan NPL terus pada paras rendah

Bank Negara Malaysia
26 Ogos 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 09		Jun 09		Julai 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.7	-18.8	54.7	-19.9	52.1	-21.8
M1		186.2	9.3	185.6	5.5	185.8	6.0
M2		913.0	5.3	922.7	6.3	932.7	5.8
M3		943.1	4.9	950.5	5.7	960.5	5.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		979.5	5.6	997.7	7.2	998.5	6.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		735.2	8.9	742.8	8.3	752.5	8.4
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.3		78.3		78.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.6		85.4		85.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		45.7	12.8	50.6	18.3	51.1	18.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		25.6	-2.3	27.2	10.2	27.3	4.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		47.1	-10.5	54.9	0.7	61.8	7.0
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.9	14.9	49.2	7.3	50.9	3.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.2		14.1		14.2	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		322.4		322.8		321.5	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		88.3		91.5		91.2	
Bilangan bulan import tertangguh		8.8		9.0		8.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.03 [2.02]		2.02 [2.02]		2.01 [2.02]	
	1 bulan	2.06 [2.06]		2.09 [2.07]		2.11 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.02		2.02		2.02	
	3 bulan	2.04		2.05		2.05	
BLR bank perdagangan		5.53		5.53		5.53	
ALR bank perdagangan		5.02		5.04		4.96	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.7	2.4	111.8	-1.4	111.9	-2.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		129.7	-10.8	131.2	-12.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5075		3.5225		3.5200	
Euro		4.9047		4.9699		4.9729	
Paun Sterling		5.5995		5.8592		5.8150	
100 Yen Jepun		3.6415		3.6729		3.6919	
Dolar Singapura		2.4182		2.4302		2.4432	
100 Baht Thailand		10.2022		10.3542		10.342	
100 Peso Filipina		7.3850		7.3111		7.3249	
100 Rupiah Indonesia		0.0339		0.0345		0.0355	
100 Won Korea		0.2783		0.2754		0.2859	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	13.7		9.5		9.5	
	swasta	2.9		2.8		0.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,044.1		1,075.2		1,174.9	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		797.8		817.9		885.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.